

PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA

FTSE Bursa Malaysia KLCI etf

(*dana didagang pada bursa yang diwujudkan di Malaysia pada 18 Januari 2007 dan ditubuhkan pada 7 Jun 2007*)

**PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA INI BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023
("PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA") DAN HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaraian atau sebut harga bagi unit-unit FTSE Bursa Malaysia KLCI etf ("Dana") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan satu salinan Prospektus Tambahan Kedua ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Kedua ini, tidak boleh diambil sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus bertarikh 16 April 2021, Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 31 Mac 2022 dan Prospektus Tambahan Kedua ini bertarikh 1 September 2023. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbang merit-merit sekuriti yang ditawarkan bagi pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak AmFunds Management Berhad, syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Tambahan Kedua ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam kebergantungan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan Kedua ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau unit-unit Dana.

Prospektus Tambahan Kedua Bertarikh 1 September 2023

Pengurus

AmFunds Management Berhad

Nombor syarikat: 198601005272 (154432-A)

Pemegang Amanah

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad

Nombor syarikat: 193701000084 (1281-T)



AmInvest

Growing Your Investments in a Changing World

PENAFIAN - PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, LIHAT "FAKTOR-FAKTOR RISIKO" BERMULA PADA MUKA SURAT 18 PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN MUKA SURAT 6 PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA INI.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

PENYATA TANGGUNGJAWAB

Para pengarah AmFunds Management Berhad telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan Kedua ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Kedua ini palsu atau mengelirukan.

PENYATA TAMBAHAN

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Tambahan Kedua ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Tambahan Kedua ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

DATA PERIBADI

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari ke hari kami, kami mengumpul maklumat peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melangan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami boleh menggunakan maklumat ini bagi menyediakan anda dengan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami, menyimpan rekod kami atau menghantar maklumat berkenaan anda. Kami boleh menggunakan maklumat peribadi anda yang mana termasuk maklumat mengenai mana-mana urus niaga yang dijalankan dengan kami, untuk satu atau lebih tujuan berikut, sama ada di Malaysia atau sebaliknya:

- a. Menilai kelayakan atau kesesuaian anda dengan produk-produk kami yang anda telah pilih dan untuk mengesahkan identiti atau kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan kredit;
- b. Untuk memaklumkan anda mengenai lebih banyak maklumat dan yang terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baru kepada produk dan perkhidmatan sedia ada, pembangunan produk, perkhidmatan dan promosi baru yang mungkin menarik bagi anda;
- c. Mengurus dan menyimpan akaun(akaun-akaun) anda melalui kemas kini yang kerap, penyatuan dan menambah baik ketepatan rekod kami. Dengan cara ini, kami dapat bertindak kepada pertanyaan, aduan anda dan biasanya menyelesaikan pertikaian dengan cepat agar kami dapat menambah baik perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- d. Menjalankan penyelidikan untuk tujuan analitik, mendapatkan data dan menganalisis urus niaga/penggunaan produk dan perkhidmatan anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan/pelaburan semasa dan keperluan masa hadapan anda. Kami juga akan mengeluarkan data, laporan dan statistik dari masa ke masa, walau bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregatkan agar identiti anda tetap dirahsiakan;
- e. Mematuhi dengan kehendak mana-mana undang-undang dan peraturan yang mengikat ke atas kami seperti menjalankan semakan anti pengubahan wang haram, pengesanan/pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan dan keselamatan;
- f. Penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan kembali apa-apa hutang yang terhutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. Dalam perjalanan biasa perancangan perniagaan am, fungsi pengawasan, perumusan strategi dan membuat keputusan dalam Kumpulan AmBank;
- h. Untuk mentadbir dan membangun Pengurus dan/atau syarikat-syarikat berkaitan Pengurus dalam perhubungan perniagaan Kumpulan AmBank dengan anda;
- i. Menyumber keluar perniagaan dan operasi bilik belakang dalam Kumpulan AmBank dan/atau lain-lain penyedia perkhidmatan; dan

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

- j. Apa-apa tujuan(tujuan-tujuan) lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, standard, garis panduan dan/atau pihak berkuasa berperaturan yang berkenaan termasuk dengan pemegang amanah Dana.

Pelabur-pelabur dinasihatkan untuk membaca Notis Privasi kami yang terkini atau yang dikemas kini (notis disediakan sebagaimana diperlukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) yang terdapat di laman web kami di www.aminvest.com. Notis Privasi kami boleh disemak dari masa ke masa dan sekiranya ada atau terdapat apa-apa semakan, ia akan diposkan di laman web kami dan/atau lain-lain cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kami. Walau bagaimana pun, apa-apa semakan(semakan-semakan) hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

Melainkan diperuntukkan di sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Kedua ini, kesemua terma dalam huruf besar digunakan dalam Prospektus Tambahan Kedua ini akan membawa maksud yang sama sebagaimana diberikan kepada mereka dalam Prospektus bertarikh 16 April 2021 sebagaimana dipinda oleh Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 31 Mac 2022 ("Prospektus").

NOTA-NOTA PENJELASAN

Prospektus Tambahan Kedua ini telah dikeluarkan untuk memaklumkan pelabur-pelabur:

- (i) sisipan pengurusan risiko kecairan kami;
- (ii) kemasukan risiko baru di bawah faktor-faktor risiko khusus kepada pelaburan dalam dana-dana amanah saham;
- (iii) kemas kini kepada polisi kami ke atas rebat dan komisen ringan kami;
- (iv) perubahan dalam komposisi lembaga pengarah Pengurus;
- (v) perubahan dalam komposisi jawatankuasa pelaburan Dana; dan
- (vi) lain-lain kemas kini yang biasanya bersifat umum.

A. PINDAAN AM

Rujukan kepada "yuran jawatankuasa pelaburan bagi ahli-ahli bebas", di mana-mana sahaja ia terdapat dalam Prospektus, dengan ini dipadamkan dan digantikan dengan "imbuhan dan perbelanjaan hangus daripada orang(orang-orang) atau ahli jawatankuasa yang melaksanakan kefungsian pengawasan Dana".

B. DEFINISI

Muka surat x Prospektus

Definisi "Surat Ikatan" adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat Ikatan : Surat ikatan bertarikh 18 Januari 2007 sebagaimana dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 4 Jun 2007, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 29 Jun 2009, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan kelima bertarikh 16 November 2020 dan surat ikatan tambahan keenam bertarikh 1 Ogos 2023 ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit membentuk Dana sebagaimana dipinda melalui apa-apa surat ikatan tambahan lain kepadanya

Muka surat x Prospektus

Definisi "Pasaran yang Layak" adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Pasaran yang Layak : Bursa, pasaran sekuriti kerajaan atau pasaran di kaunter (OTC):

- (a) yang dikawal atur oleh pihak berkuasa berperaturan bidang kuasa tersebut;

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

- (b) yang dibuka kepada orang awam atau kepada sebilangan besar peserta pasaran; dan
- (c) pada mana instrumen kewangan yang biasanya didagangkan

C. PANDUAN KORPORAT

Muka surat xvii Prospektus

Alamat e-mel Pemegang Amanah adalah dengan ini dimasukkan ke dalam maklumat korporat Pemegang Amanah:

E-mel: fs.client.services.myh@hsbc.com.my

D. SEKSYEN 1 – RINGKASAN EKSEKUTIF

Muka surat 4 Prospektus

Seksyen 1.1 Butir-butir Ringkas Dana

Ringkasan Faktor-Faktor Risiko

Perkara berikut adalah dengan ini dimasukkan kepada "Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Pelaburan dalam Dana Amanah Saham":

- (v) Risiko Kecairan

Muka surat 8 Prospektus

Seksyen 1.3 Maklumat Lain

Perenggan pertama seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat ikatan bertarikh 18 Januari 2007 seperti dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 4 Jun 2007, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 29 Jun 2009, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan kelima bertarikh 16 November 2020 dan surat ikatan tambahan keenam bertarikh 1 Ogos 2023 ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit.

E. SEKSYEN 2 –FTSE BURSA MALAYSIA KLCI ETF

Muka surat 11 Prospektus

Seksyen 2.5 Strategi dan Teknik Pengurusan Risiko yang akan Digunakan oleh Pengurus Dana

Maklumat di bawah seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Opsi Beli Zero Strike adalah alternatif bagi pengurusan portfolio yang cekap, untuk menambah baik penjejakan, untuk memudahkan peruntukan kecairan dan bukan untuk dimanfaatkan. Walau bagaimanapun, ini mendedahkan Dana kepada risiko pihak satu lagi penerbit. Untuk menjaga Dana, penerbit mestilah sebuah Institusi Kewangan dengan penarafan jangka panjang minimum yang menunjukkan kapasiti kukuh bagi obligasi kewangan dan Dana tidak boleh memegang lebih

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

daripada 50% NAVnya dalam Opsyen Beli Zero Strike.

Pengurus mengenal pasti, memantau dan mengurangkan risiko kecairan Dana atas dasar berterusan untuk memastikan profil kecairan pelaburan Dana dapat memenuhi sebarang permintaan penebusan. Dengan berbuat demikian, Pengurus akan mempertimbangkan faktor-faktor yang termasuk kecairan pemegangan Dana, sebarang penumpuan pelabur dan keupayaan Dana untuk bertindak balas kepada sebarang penebusan yang agak besar, sekiranya ada.

Pengurus boleh menggabungkan alatan pengurusan kecairan berikut:

- Pembubaran pelaburan mendasari.
- Mendapatkan pembiayaan tunai sehingga 10% NAV Dana daripada Institusi Kewangan.
- Penggantungan urus niaga dalam Unit-unit Dana (disebabkan keadaan terkecuali, di mana terdapat alasan yang baik dan mencukupi untuk berbuat demikian, dengan mengambil kira kepentingan Pemegang-pemegang Unit) sebagai pilihan terakhir selepas alatan pengurusan risiko kecairan di atas telah kehabisan. Sebarang permintaan penebusan yang diterima oleh kami semasa tempoh penggantungan hanya akan diterima dan diproses pada Hari Perniagaan berikutnya selepas pemberhentian penggantungan Dana. Sila rujuk kepada Seksyen 5.7 Penggantungan sementara menentukan NAV dan urus niaga dalam Unit-unit untuk maklumat lanjut.

Pengurus akan memastikan bahawa ia mempunyai langkah-langkah pengurusan risiko yang diperlukan yang akan membolehkan ia mengawasi, mengukur dan menguruskan risiko-risiko kedudukan Dana berkaitan dengan penggunaan derivatif atas dasar berterusan dan sumbangannya kepada keseluruhan profil risiko Dana.

Muka surat 16 Prospektus

Seksyen 2.9 Skop dan Sekatan Pelaburan

Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan pada akhir seksyen ini:

Penggunaan derivatif

Pengiraan Pendedahan Global kepada Derivatif

Pendedahan Global = a + b + c

dengan

a = Nilai mutlak pendedahan bagi setiap derivatif individu yang tidak terlibat dalam perlindungan nilai atau penolakan

b = Nilai mutlak pendedahan bersih setiap derivatif individu selepas perlindungan nilai atau penolakan

c = Kolateral tunai diterima selaras dengan:

- (i) pengurangan pendedahan kepada derivatif pihak satu lagi OTC; dan
- (ii) teknik pengurusan portfolio yang cekap berkait dengan pinjaman sekuriti dan urus niaga pembelian semula (di mana berkenaan)

Pengaturan penolakan dan perlindungan nilai boleh diambil kira untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

Pengaturan penolakan

Dana mungkin berada dalam kedudukan bersih antara:

- (a) derivatif pada konstituen mendasari yang sama, walaupun tarikh matang adalah berbeza; atau
- (b) derivatif dan konstituen mendasari sepadan yang sama, sekiranya konstituen mendasari tersebut adalah sekuriti boleh pindah, instrumen pasaran wang, atau unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

Pengaturan perlindungan nilai

Nilai *marked-to-market* bagi sekuriti boleh pindah, instrumen pasaran wang, atau unit-unit atau saham-saham dalam skim pelaburan kolektif yang terlibat dalam pengaturan perlindungan nilai boleh diambil kira untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

Pengaturan perlindungan nilai mestilah:

- (a) bukan bertujuan untuk memperoleh pulangan;
- (b) mengakibatkan pengurangan boleh ditentu sah keseluruhan risiko Dana;
- (c) mengimbangi risiko am dan khusus yang dikaitkan dengan konstituen mendasari yang dilindungi nilai;
- (d) berkait dengan kelas aset yang sama yang dilindungi nilai; dan
- (e) berupaya untuk memenuhi objektif perlindungan nilainya dalam semua keadaan pasaran.

Pengiraan Pendedahan kepada Pihak Satu Lagi derivatif OTC

Pendedahan kepada derivatif OTC pihak sati lagi mesti diukur berdasarkan potensi kerugian maksimum yang mungkin ditanggung oleh Dana sekiranya pihak sati lagi memungkiri dan bukan berdasarkan nilai nosional derivatif OTC.

Jumlah pendedahan kepada pihak sati lagi tunggal dikira dengan menjumlahkan pendedahan timbul daripada semua urus niaga derivatif OTC yang dimasuki dengan pihak sati lagi yang sama.

Pendedahan maksimum Dana kepada pihak sati lagi, dikira berdasarkan kaedah di atas, tidak boleh melebihi 10% daripada NAV Dana.

Sekatan dan had pelaburan yang dinyatakan di atas perlu dipatuhi pada setiap masa berdasarkan penilaian terkini pelaburan dan instrumen Dana. Walau bagaimanapun, sebarang pelanggaran akibat daripada apa-apa peningkatan atau susut nilai dalam nilai pelaburan Dana, pembelian semula Unit atau bayaran yang dibuat daripada Dana, perubahan dalam modal perbadanan di mana Dana telah melabur dalam atau menurunkan taraf dalam atau pemberhentian penarafan kredit yang tidak dilaporkan kepada SC tetapi mesti diperbetulkan secepat mungkin tetapi tidak lewat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pelanggaran melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Garis Panduan ETF. Namun begitu, tempoh tiga (3) bulan boleh dilanjutkan sekiranya ia adalah demi kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan persetujuan Pemegang Amanah telah diperolehi. Pelanjutan sedemikian mesti tertakluk kepada sekurang-kurangnya semakan bulanan oleh Pemegang Amanah.

F. SEKSYEN 3 – FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Muka surat 18 Prospektus

Seksyen 3.1 Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Pelaburan Dana Amanah Saham

Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan ke dalam seksyen ini:

(v) Risiko Kecairan

Harga pada mana sekuriti portfolio boleh dibeli atau dijual oleh Dana apabila berlaku sebarang kegiatan mengimbangi semula atau sebaliknya (perlu untuk menjelaki Penanda Aras) dan nilai Unit-unit akan terjejas sekiranya pasaran perdagangan bagi sekuriti-sekuriti yang terkandung dalam Aset Dana adalah terhad atau tidak wujud atau sekiranya tebaran adalah luas. Ini akan sebaliknya menjelaskan nilai pelaburan Pemegang-pemegang Unit dalam Dana.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

G. SEKSYEN 4 – YURAN & CAJ

Muka surat 25 hingga 27 Prospektus

Seksyen 4.3 Yuran dan caj perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian

- (i) Perenggan kelima seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Barangan dan perkhidmatan (“komisen ringan”) boleh disimpan oleh Pengurus dengan syarat bahawa:-

- komisen ringan membawa manfaat atau kelebihan secara langsung kepada pengurusan Dana dan mungkin termasuk perkhidmatan berkaitan penyelidikan dan nasihat;
- apa-apa urusan dengan broker atau peniaga dilaksanakan mengikut terma yang paling menguntungkan bagi Dana; dan
- ketersediaan komisen ringan bukanlah satu-satunya atau tujuan utama untuk melaksanakan atau mengatur urus niaga dengan broker atau peniaga sedemikian, dan Pengurus atau pengurus dana tidak boleh memasuki dagangan yang tidak perlu untuk mencapai jumlah urus niaga yang mencukupi untuk layak menerima komisen ringan.

- (ii) Perkara (p) perenggan kelapan seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

(p) yuran bagi penilaian mana-mana pelaburan Dana;

- (iii) Perkara (q) perenggan kelapan seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

(q) imbuhan dan perbelanjaan hangus orang(orang-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan kefungsian pengawasan Dana, melainkan Pengurus putuskan sebaliknya;

- (iv) Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan ke dalam perenggan kelapan seksyen ini:

(s) yuran berkaitan dengan perakaunan dana dengan syarat bahawa kelulusan terlebih dahulu Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh. Bagi mengelak keraguan, sebaik sahaja kelulusan Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh, tiada kelulusan berikutnya daripada Pemegang-pemegang Unit diperlukan bagi yuran untuk dicajkan kepada Dana.

H. SEKSYEN 5 – UNIT-UNIT FTSE BURSA MALAYSIA KLCI ETF

Muka surat 42 Prospektus

Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan sebaik sahaja selepas Seksyen 5.6:

5.7 Penggantungan sementara menentukan NAV dan urus niaga dalam Unit-unit

Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan setelah mempertimbangkan kepentingan Pemegang-pemegang Unit, menggantung urus niaga dalam Unit disebabkan keadaan terkecuali, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

- (a) mana-mana tempoh apabila Bursa Securities ditutup;
- (b) mana-mana tempoh apabila urus niaga Unit-unit pada Bursa Securities adalah disekat atau digantung atas arahan yang dikeluarkan oleh SC atau Bursa Securities;
- (c) sebarang tempoh apabila penyelesaian atau penjelasan sekuriti dalam Clearing House terganggu;
- (d) kewujudan apa-apa keadaan hal ehwal akibat daripada yang mana penyerahan Pelaburan yang Dibenarkan terkandung dalam *In-Kind Creation Basket* atau *In-Kind Redemption Basket* atau pelupusan Pelaburan yang Dibenarkan buat masa ini terkandung dalam Aset Dana tidak boleh, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dilaksanakan secara biasa atau tanpa menjelaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (e) mana-mana tempoh apabila, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dana-dana tidak boleh biasanya dibayar daripada Aset Dana tanpa menjelaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (f) mana-mana tempoh apabila Penanda Aras tidak disusun atau disiarkan;
- (g) apa-apa kerosakan dalam cara yang biasa digunakan dalam menentukan NAV Dana atau NAV setiap Unit atau Liabiliti atau apabila bagi apa-apa alasan lain nilai mana-mana Pelaburan yang Dibenarkan buat masa ini terkandung dalam Aset atau Liabiliti Dana tidak boleh dipastikan dengan segera dan tepat;
- (h) kewujudan mana-mana keadaan hal ehwal yang pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, mungkin menjelaskan secara serius kepentingan Pemegang-pemegang Unit secara keseluruhan atau Aset Dana;
- (i) mana-mana tempoh empat puluh lapan (48) jam (atau tempoh yang lebih panjang tertentu sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju) sebelum tarikh mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit (atau mana-mana mesyuarat tertangguhnya);
- (j) mana-mana tempoh apabila operasi Pengurus dan/atau Pemegang Amanah terhenti dan/atau digantung mengikut arahan SC; atau
- (k) mana-mana tempoh apabila operasi perniagaan Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan operasi Dana terganggu dengan teruk atau ditutup akibat daripada atau timbul daripada *force majeure*,

di mana terdapat alasan yang baik dan mencukupi untuk berbuat demikian dan di mana berkenaan, nilai pasaran atau nilai saksama bahagian material Aset Dana tidak boleh ditentukan. Di mana penggantungan sedemikian dicetuskan, Pengurus hendaklah memaklumkan semua Pemegang Unit dalam cara tepat pada masanya dan sesuai mengenai keputusannya untuk menggantung urus niaga dalam Unit-unit.

I. SEKSYEN 6 – MENGENAI PENGURUS

Muka surat 44Prospektus

Seksyen 6.3 Para Pengarah dan Personel Penting

Profil Mustafa Bin Mohd Nor (Bebas) adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

Muka surat 45 hingga 46 Prospektus

Seksyen 6.4 Jawatankuasa Pelaburan

- (i) Perenggan kedua seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Jawatankuasa pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut:-

- Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Bebas)
- Tracy Chen Wee Keng (Bukan-Bebas)
- Goh Wee Peng (Bukan-Bebas)

- (ii) Perenggan ketiga seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Profil jawatankuasa pelaburan Dana adalah seperti berikut:

- **Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Pengerusi)**
(Sila rujuk kepada yang di atas)

- **Tracy Chen Wee Keng**

Tracy Chen Wee Keng telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AmlInvestment Bank Berhad pada 28 Oktober 2020 dan bertanggungjawab untuk mengurus rangkaian penuh penyelesaian dan perkhidmatan bersepada bank pelaburan termasuk kewangan korporat, pasaran modal ekuiti, pengasalan hutang dan sukuk, perbankan swasta, pengurusan dana dan perkhidmatan pembrokeran saham. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa pelaburan AFM dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam industri perbankan pelaburan dan perkhidmatan kewangan. Sebelum menyertai Kumpulan AmBank, beliau telah berkhidmat selama hampir dua dekad di CIMB Investment Bank di mana beliau memegang beberapa jawatan kanan dalam perlindungan dan pengasalan perniagaan perbankan pelaburan termasuk jawatan Pengarah Urusan Kanan dan Ketua Bersama Kumpulan Jurubank Kanan. Beliau dianggap sebagai salah seorang profesional perindustrian yang paling berpengalaman, setelah menasihati pelbagai urus niaga hutang dan ekuiti berprofil tinggi dan inovatif. Beliau memulakan kerjaya perbankannya di Ban Hin Lee Bank dan Standard Chartered Bank di mana beliau memperoleh pengalaman luas dalam perbankan korporat dan pengurusan tunai. Beliau menceburi bidang perbankan pelaburan apabila beliau menyertai Affin Merchant Bank. Beliau berkelulusan dari Universiti Sains Malaysia dengan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian Kelas Pertama) dan memegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal dan juga Jurubank Bertauliah, Asian Institute of Chartered Bankers. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia dan dalam jawatan ini, beliau terlibat secara aktif dengan peserta lain dalam industri perbankan pelaburan.

- **Goh Wee Peng**

(Sila rujuk kepada yang di atas)

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

J. SEKSYEN 8 – TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

Muka surat 50 Prospektus

Perenggan kedua seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat ikatan bertarikh 18 Januari 2007 telah ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit. Dana adalah dibentuk melalui Surat Ikatan dan dikawal atur terutamanya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Kemudiannya, surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 4 Jun 2007, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 29 Jun 2009, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan kelima bertarikh 16 November 2020 dan surat ikatan tambahan keenam bertarikh 1 Ogos 2023 telah ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit. Surat ikatan bertarikh 18 Januari 2007, surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 4 Jun 2007, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 29 Jun 2009, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan kelima bertarikh 16 November 2020 dan surat ikatan tambahan keenam bertarikh 1 Ogos 2023 hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai Surat Ikatan. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahan kepadanya adalah mengikat ke atas setiap daripada anda seolah-olah anda telah:-

- (a) menjadi pihak kepada dan telah menandatangani Surat Ikatan;
- (b) dengan itu berwaad bagi diri anda sendiri dan bagi semua orang sedemikian untuk mematuhi dan menjadi terikat oleh semua peruntukannya; dan
- (c) dengan itu memberi kuasa kepada Pemegang Amanah dan Pengurus masing-masing untuk melakukan semua tindakan dan perkara tertentu sebagaimana Surat Ikatan mungkin perlukan.

Muka surat 53 Prospektus

Seksyen 8.4 Yuran dan Caj yang Dibenarkan oleh Surat Ikatan

- (i) Titik bulet ke enam belas di bawah perkara (c) seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:
 - ◆ yuran bagi penilaian mana-mana pelaburan Dana;
- (ii) Titik bulet ke tujuh belas di bawah perkara (c) seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:
 - ◆ imbuhan dan perbelanjaan hangus orang(orang-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksana kefungsian pengawasan Dana, melainkan Pengurus putuskan sebaliknya;
- (iii) Titik bulet berikut adalah dengan ini dimasukkan kepada perkara (c) seksyen ini:
 - ◆ yuran berkaitan dengan perakaunan dana dengan syarat bahawa kelulusan terlebih dahulu Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh. Bagi mengelak keraguan, sebaik sahaja kelulusan Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh, tiada kelulusan berikutnya daripada Pemegang-pemegang Unit diperlukan bagi yuran untuk dicajkan kepada Dana.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

Muka surat 55 Prospektus

Seksyen 8.7 Penamatan Dana

Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan sebaik sahaja selepas Seksyen 8.7(e):

- (f) Tanpa mengambil kira yang di atas, Pengurus boleh tanpa perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pemegang-pemegang Unit, menamatkan amanah yang diwujudkan dan menggulung Dana sekiranya penamatan tersebut:
 - (a) diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan; atau
 - (b) adalah demi kepentingan terbaik Pemegang Unit dan Pengurus selepas berunding dengan Pemegang Amanah menganggap adalah tidak ekonomik bagi Pengurus untuk terus menguruskan Dana.

Tanpa mengambil kira yang dinyatakan di atas, sekiranya Dana ditinggalkan tanpa Pemegang Unit, Pengurus juga berhak untuk menamatkan Dana.

Muka surat 57 Prospektus

Seksyen 8.8 Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit

- (i) Maklumat di bawah Seksyen 8.8(3) adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Notis hendaklah dalam bentuk pekeliling dan hendaklah menyatakan tempat, masa mesyuarat, sifat am urusan untuk diuruskan dan terma-terma mana-mana resolusi yang akan dicadangkan di situ. Salinan notis hendaklah dihantar kepada Pemegang Amanah melainkan mesyuarat diadakan oleh Pemegang Amanah dan salinan mengenainya hendaklah juga dihantar kepada SC. Peninggalan yang tidak disengajakan untuk memberi notis kepada atau ketidakterimaan notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan mentaksahkan prosiding pada mana-mana mesyuarat. Pengurus hendaklah menyiaran iklan yang memberikan notis berkenaan mengenai mesyuarat Pemegang-pemegang Unit sekurang-kurangnya dalam salah satu surat khabar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan dalam negara. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit hendaklah diadakan tidak kurang daripada dua (2) bulan selepas notis diberi di tempat dan masa yang dinyatakan dalam notis dan iklan.

- (ii) Maklumat di bawah Seksyen 8.8(4) adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

- (a) Kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit hendaklah lima (5) Pemegang Unit, sama ada hadir secara sendiri atau melalui proksi; walau bagaimanapun, sekiranya Dana mempunyai lima (5) atau kurang Pemegang Unit, kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, hendaklah dua (2) Pemegang Unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi.
- (b) Sekiranya mesyuarat dipanggil bagi tujuan pengundian ke atas resolusi khas, Pemegang Unit hadir sendiri atau melalui proksi hendaklah memegang dalam agregat sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada Unit-unit dalam edaran Dana pada masa mesyuarat.
- (c) Sekiranya Dana hanya mempunyai satu (1) lagi Pemegang Unit, Pemegang Unit tersebut, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, akan membentuk kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN
PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022**

K. SEKSYEN 10 – PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Muka surat 61 Prospektus

Seksyen 10.4 Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa

Maklumat di bawah seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

Seksyen 10.5 Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang-pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa

Maklumat di bawah seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

[Bahagian lain muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.]